

R GB 14-01 00182 BA123

Bah

Pemuda - Singapura

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat hubungan Malaysia-Singapura bertambah erat pada masa akan datang tanpa mengira siapa yang mendapat faedah yang lebih daripada perhubungan itu, sebagai pembuka era baru dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Setiausaha Biro Hal Ehwal Antarabangsa pergerakan itu, Haji Mustapha Yaakub berkata, kenyataan itu menandakan keikhlasan Perdana Menteri yang mahu melihat hubungan Malaysia dan Singapura terus kukuh sebagai tunjang kekuatan ASEAN.

Sambil menyambut baik kenyataan itu, beliau menegaskan pergerakan Pemuda ingin mengingatkan para pemimpin republik itu supaya tidak memandang ringan kenyataan itu malah Singapura harus peka terhadap perasaan Malaysia.

+Pemuda juga berharap hubungan dua hala pada peringkat pergerakan Pemuda harus dipertingkatkan lagi dalam usaha mewujudkan pemimpin pelapis yang mengetahui sejarah latar belakang kedua-dua negara demi menjamin hubungan erat berterusan pada masa akan datang,+ katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kesilapan-kesilapan lepas tidak seharusnya diulangi terutama dalam hal-hal yang melibatkan kedaulatan Malaysia dan keselamatan rantau ASEAN. -- Bernama.

♥14/01/17-22MST